

PBS, USNO,

Berjaya

setuju kerjasama

Oleh

Razak Rashid Ghows

UM 25 MAR 1986
KOTA KINABALU 24 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan formula kerjasama di antara PBS, USNO dan Berjaya yang mungkin berbentuk kerajaan campuran bagi mengatasi krisis politik yang berlarutan di negeri ini.

Perdana Menteri berkata, formula tersebut telah dipersetujui dengan secara prinsip oleh para pemimpin ketiga-tiga parti itu dan boleh membawa mereka menyertai Barisan Nasional apabila mencapai penyelesaian.

Bercakap dalam satu sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu petang ini dalam latihan tujuh jam ke sini, Perdana Menteri berkata, beliau telah berbincang dengan Ketua Menteri, Datuk Joseph Pairin Kitingan bagi pihak PBS, Tun Datu Mustapha bagi pihak USNO dan Datuk Mohd. Noor Mansor bagi pihak Berjaya mengenai formula tersebut dan mereka menyetujuinya secara prinsip.

Menurut Perdana Menteri, ketiga-tiga pemimpin itu akan membawa hasil perbincangan tersebut kepada ahli masing-masing dan akan mengadakan rundingan tiga penjurong di Kuala Lumpur dalam minggu ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengadakan pertemuan secara berasingan dengan ketiga-tiga pemimpin parti itu di Hotel Tanjung Aru tengah hari ini.

Turut hadir ialah Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Abdul Ghafar Baba.

Selain Encik Ghafar, Perdana Menteri juga diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Azizan Zainalabidin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar.

Mengenai kedudukan Ketua Menteri Sabah, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, jawatan itu akan terus dipegang oleh Datuk Pairin yang juga Presiden PBS.

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PBS, USNO dan Berjaya setuju kerjasama

UM 25 MAR 1986

Ditanya sama ada beliau memberi sebarang tempoh kepada parti-parti berkenaan untuk merangka kerjasama tiga penjurong itu, kata beliau usaha tersebut akan dilakukan secepat mungkin.

Menjawab satu pertanyaan sama ada pilihanraya umum negeri akan diteruskan setelah ada persetujuan antara mereka, beliau menambah perkara itu terpulang kepada parti-parti itu sendiri menentukan.

Katanya, penyelesaian dalam bentuk kerjasama ini hendaklah dipersetujui oleh semua pihak kerana ia melibatkan kepentingan ketiga-tiga parti berkenaan.

Menjawab pertanyaan sama ada formula tersebut akan menghentikan kejadian - kejadian yang tidak diinginkan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata penyelesaian itu akan membawa kepada kestabilan politik dan ekonomi di Negeri Sabah.

Perdana Menteri berkata beliau telah mengadakan perbincangan dari hati ke hati dengan pemimpin ketiga-tiga parti itu hari ini bagi mencari jalan meng-

atasi masalah yang berlatutan di negeri ini.

"Saya fikir semua pihak tidak mahu melihat peristiwa yang tidak diinginkan terus berlanjutan.

"Beberapa cara dikemukakan dan satu formula tolak ansur telah didapati yang mana kita percaya formula ini dapat mengatasi masalah tersebut," jelasnya.

Kata beliau, mereka telah bersetuju untuk mewujudkan satu bentuk kerjasama antara semua pihak di Sabah. Tambahnya, perkara tersebut dipersetujui oleh Datuk Pairin yang mewakili PBS, Tun Datu Mustapha bagi pihak USNO dan Datuk Mohd. Noor Mansor bagi pihak Berjaya.

"Saya harap penyelesaian tersebut dapat mententeramkan keadaan di Sabah," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menambah, beliau sendiri tidak boleh menjelaskan sepenuhnya formula yang dipersetujui kerana pihak-pihak berkenaan ingin balik untuk memaklumkan kepada ahli-ahli mereka.

"Tidak elok kalau saya buat sesuatu pengisytihar-

an sedangkan rakan-rakan mereka tidak mengetahuinya dulu," ujarnya.

Menjawab beberapa pertanyaan, beliau berkata soal sama ada kerjasama itu akan diwujudkan sebelum atau selepas pilihanraya akan dibincangkan oleh parti-parti berkenaan sendiri.

Katanya, beliau akan diberitahu tentang perkara itu kemudian. Soal sama ada pilihanraya umum negeri akan diteruskan atau tidak juga diserahkan kepada butir-butir formula penyelesaian yang akan dibincangkan kelak.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata formula itu kini masih dianggap sebagai formula ketiga-tiga parti yang terlibat tetapi kemudian diharap akan dapat dijadikan formula Barisan Nasional apabila selesai.

Ditanya sama ada formula yang dibawa oleh beliau hari ini merupakan formula Barisan Nasional, Perdana Menteri menegaskan bahawa agak sukar baginya menentukan puncanya.

"Saya datang ke sini (Kota Kinabalu) sebagai Perdana Menteri yang ber-

tanggungjawab terhadap keselamatan dan penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh negara ini.

"Di samping itu, saya juga datang ke sini selaku Pengerusi Barisan Nasional," katanya.

Beliau juga memberitahu bahawa sebahagian dari formula yang dikemukakan mempunyai kaitan dengan cadangan - cadangan yang dibuat oleh mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO semalam walaupun tidak semua diterima.

Menjawab pertanyaan sama ada mana-mana parti meletakkan syarat untuk memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri, beliau berkata setakat ini belum ada apa-apa permintaan dari mana-mana pihak.

Yang penting menurut Perdana Menteri ialah keadilan dan kesaksamaan yang boleh membawa kepada penyelesaian yang memuaskan semua pihak.

Perdana Menteri juga berkata soal writ USNO mencabar kesahihan perlantikan Ketua Menteri sedang diteliti dan mungkin terpaksa ditarik balik sekiranya ada penyelesaian.